

## **IMPAK RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA (RPS) KE ATAS KOMUNITI ORANG ASLI JAHAI DI RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA AIR BANUN, PERAK.**

*(THE IMPACT OF RESETTELEMENT PROGRAMME ON THE JAHAI  
COMMUNITY IN RANCANGAN PENGUMPULAN  
SEMULA AIR BANUN, PERAK.)*

**Ronzi Mohd Yusoff, Sharina Abdul Halim & Joy Jacqueline Pereira**

### **Abstrak**

---

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli merupakan salah satu usaha awal kerajaan dalam usaha membangunkan dan memajukan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Bagaimanapun selepas empat dekad penubuhannya kebanyakannya masyarakat Orang Asli masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan. Komuniti Orang Asli Jahai merupakan antara komuniti Orang Asli yang paling awal terlibat dengan program RPS iaitu sekitar tahun 1980. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana program RPS memberi impak ke atas sosioekonomi komuniti Orang Asli Jahai setelah hampir empat dekad terlibat dengan program tersebut. Kajian ini dijalankan pada 2014 di RPS Air Banun dengan mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dan kualitatif menerusi kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 48 orang responden, temuramah secara mendalam (in-depth interview) ke atas 10 orang key informant dan kaedah pemerhatian turut serta (participant observation). Dapatan kajian mendapati program RPS telah membawa perubahan ke atas sosioekonomi komuniti Orang Asli Jahai di RPS Air Banun terutamnya dari aspek kemudahan infrastruktur sosial. Namun program tersebut kurang berjaya dari aspek pembangunan ekonomi penduduk. Mereka masih hidup dibawah paras kemiskinan dengan purata pendapatan isi rumah di bawah RM500 sebulan. Usaha proaktif daripada semua pihak berkepentingan amat kritikal bagi mengatasi keadaan tersebut

---

**Kata kunci:** Rancangan Pengumpulan Semula, Orang Asli Jahai, pembangunan, sosioekonomi, komuniti.

### **Abstract**

---

*The Orang Asli Resettlement Programme (RPS) is one of the preliminary efforts by the government to develop the communities in Malaysia. However, after four decades of establishment, a large number of Orang Asli communities are still living below poverty line. The Jahai was among the earliest indigenous communities involved with RPS programs around 1980. The objective of this study is to examine the impact of the resettlement programme on the Jahai's socio-economic community of the Jahai after almost four decades involved with the program. This study was conducted in 2014 in RPS Air Banun by applying quantitative and qualitative approaches through questionnaire survey involving 48 respondents, in-depth interviews with 10 key informants and also participant*

*observation method. The findings show that the resettlement programme has made significant changes to the socio-economic of the Jahai in RPS Air Banun especially from the aspect of social infrastructure facilities. However, the programme has failed to tackle their poor economic conditions. They are still living under the poverty line with an average household income below RM500 per month. Proactive efforts from all stakeholders are critical to tackle the situation.*

**Keywords:** Resettlement Program, the Jahai, development, socio-economy, community.

## PENGENALAN

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memajukan dan membangunkan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Itam Wali Nawan 1993; Zahid Emby et al. 1996; Lim Hin Fui 2003; Suki Mee 2006; Mustaffa Omar 2009). Program yang secara rasminya dimulakan pada tahun 1980 di bawah Rancangan Malaysia ke-4 (Portal rasmi KPLB 2017) ini dilaksanakan berdasarkan kepada pendekatan pembangunan bersepadu yang melibatkan pengumpulan semula dan penyusunan semula komuniti Orang Asli di suatu tapak baru atau sedia ada bagi membolehkan mereka lebih mudah ditadbir urus agar tidak terus ketinggalan dalam pembangunan(Mustaffa Omar 2009). Perak merupakan negeri pertama yang melaksanakan RPS Orang Asli dengan menfokuskan kepada kawasan di Banjaran Titiwangsa memandangkan kawasan tersebut adalah kawasan tumpuan komunis (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah 2007). Program RPS kemudiannya diperluaskan lagi ke negeri lain seperti Kelantan, Pahang dan Johor dengan jumlah keseluruhannya sebanyak 17 buah. Daripada jumlah tersebut enam lokasi RPS ditubuhkan di Perak, tujuh di Pahang, tiga di Kelantan dan satu di Johor (Portal rasmi JAKOA 2017).

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli Air Banun atau RPS Air Banun ditubuhkan pada 1978 (Lim Hin Fui 2003) bagi menempatkan semula komuniti Orang Asli Jahai di kawasan Hutan Belum dan Hutan Temengor yang terjejas akibat pembinaan empangan hidroelektrik di kawasan tersebut. Kemudahan-kemudahan seperti pos keselamatan, sekolah, asrama, klinik, jalan berturap disediakan sebagai persediaan kepada mereka untuk berubah ke arah cara hidup baru (Itam Wali 1993). Projek-projek pembangunan sosio-ekonomi seperti ladang getah, dusun buah-buahan, tanaman jangka pendek, ternakan haiwan, ternakan ikan air tawar, industri rotan dan buluh serta penubuhan kedai-kedai koperasi juga telah dirancang dalam usaha meningkatkan taraf hidup pesertanya (Itam Wali 1993). Selain itu, pada peringkat awal penglibatan mereka dalam program RPS, subsidi bulanan sebanyak RM50 diberikan bagi meringankan beban hidup (Nicholas 2000).

## PERMASALAHAN KAJIAN


Kini setelah hampir empat dekad penubuhannya, program RPS didapati masih tidak memberikan hasil yang memuaskan (Lim Hin Fui 2003; Suki Mee 2006; Suki Mee & Yahaya Ibrahim 2009; Mustaffa Omar 2009; Hafazah Abdul Karim & Amalina Haslyssa Hashim 2012). Kajian oleh Suki Mee (2006) ke atas Orang Asli Temuan di Desa Temuan, Selangor, Mustaffa Omar (2009) ke atas komuniti Orang Asli Jakun di RPS Bekok, Johor dan Norsida Man, Halilah Hamid dan Asnarulkhadi Abu Samah (2013) ke atas empat buah RPS iaitu RPS Kedaik, RPS Buluh Nipis, RPS Runchang dan RPS Bukit Serok, Pahang misalnya mendapati hidup komuniti Orang Asli yang terlibat semakin terbeban apabila mereka dide dahkan dengan gaya hidup baru yang moden. Keadaan ini diburukkan lagi dengan berkurangnya peluang ekonomi dan sumber pendapatan untuk menampung perbelanjaan keperluan hidup apabila hutan di persekitaran mereka dibangunkan menjadi kawasan bandar dan kawasan pertanian.

Kebanyakan program RPS yang dirancang didapati berjaya dari segi pembangunan infrastruktur fizikal tetapi dikesan kurang berjaya meningkatkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli ke arah yang lebih baik. Kehidupan mereka dikesan semakin terhimpit akibat peningkatan kos

sara hidup yang tinggi disebabkan oleh perubahan kawasan yang berlaku secara mendadak (Suki Mee & Yahaya Ibrahim 2009; Mustaffa Omar 2009; Hafazah Abdul Karim & Amalina Haslyssha Hashim 2012). Justeru, makalah ini mengupas sejauh mana program RPS memberi impak ke atas sosioekonomi komuniti Orang Asli Jahai setelah hampir empat dekad terlibat dengan program tersebut.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan pada 2014 di kawasan RPS Air Banun, Gerik, Perak. Lokasi tersebut berada pada garis lintang  $5^{\circ} 32'$  Utara dan garis bujur  $101^{\circ} 21'$  Timur. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif telah diaplikasikan semasa proses pengumpulan data menerusi kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 48 orang responden dan temuramah secara mendalam (in-depth interview) ke atas 10 orang informan berserta kaedah pemerhatian turut serta (participant observation).



Rajah 1. Lokasi kawasan kajian.  
Sumber. Diubahsuai daripada laman web rasmi WWF (2017)

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya terdapat tujuh buah kampung yang di sekitar pusat pentadbiran JAKOA Air Banun iaitu Air Banun, Air Raba, Kabel, Pengkalan@Desa Permai, Desa Damai, Desa Ria dan Chadak. Berdasarkan kepada buku rekod penduduk yang diperoleh di lapangan pada tahun 2014, keseluruhan populasi bagi keseluruhan kampung tersebut ialah seramai 636 orang. Daripada jumlah tersebut 50.2 peratus atau 319 orang adalah lelaki manakala selebihnya lagi iaitu 49.8 peratus atau 317 orang adalah perempuan. Manakala petempatan yang paling ramai didiami ialah Kampung Air Raba dan petempatan yang paling sedikit penduduknya ialah Kampung Cadak. Jumlah keseluruhan populasi penduduk mengikut kampung, jantina dan kumpulan umur adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Populasi penduduk mengikut kampung, jantina dan kumpulan umur.

<b>Kampung</b>	<b>Jantina</b>	<b>Kumpulan umur (tahun)</b>									<b>Jumlah</b>	<b>%</b>
		<b>0-10</b>	<b>11-20</b>	<b>21-30</b>	<b>31-40</b>	<b>41-50</b>	<b>51-60</b>	<b>61-70</b>	<b>71-80</b>			
Air	L	8	7	8	2	6	0	2	1	34		
Banun	P	8	13	8	8	4	1	0	0	42	76	11.9
Jumlah		16	20	16	10	10	1	2	1			
Air	L	19	17	17	5	9	1	1	0	69		
Raba	P	21	28	17	6	6	2	2	0	82	151	23.7
Jumlah		40	45	34	11	15	3	3	0			
Kg.	L	11	12	10	4	2	0	1	0	40		
Kabel	P	11	9	8	0	2	1	1	0	32	72	11.3
Jumlah		22	21	18	4	4	1	2	0			
P @ D	L	14	18	3	4	5	1	1	0	46		
Permai	P	15	15	7	3	5	0	0	0	45	91	14.3
Jumlah		29	33	10	7	10	1	1	0			
Desa	L	27	18	15	7	7	1	0	0	75		
Damai	P	19	13	11	7	2	2	0	1	55	130	20.4
Jumlah		46	31	26	14	9	3	0	1			
Desa	L	16	10	6	10	3	0	1	0	46		
Ria	P	17	11	11	5	3	1	0	0	48	94	14.8
Jumlah		33	21	17	15	6	1	1	0			
Kg.	L	1	2	2	3	0	1	0	0	9		
Chadak	P	5	3	1	0	2	2	0	0	13	22	3.5
Jumlah		6	5	3	3	2	3	0	0			
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		192	176	124	64	56	13	9	2	636*		
											100	
<b>%</b>		30.2	27.7	19.5	10.1	8.8	2.0	1.4	0.3			

Sumber: Kerja lapangan 2014/2015

Seramai 48 responden berjaya diperoleh melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik semasa proses pengumpulan data dilakukan. Daripada jumlah tersebut 37 orang adalah lelaki dan 11 lagi adalah perempuan. Seramai 28 orang responden yang berumur 35 tahun ke atas berjaya diperoleh. Manakala selebihnya iaitu 20 orang lagi adalah golongan yang berumur 34 tahun ke bawah. Responden paling ramai diperoleh dari Kampung Air Raba iaitu seramai 14 orang atau 29.2 peratus. Lapan orang dari Desa Damai, tujuh orang dari Desa Ria, lima orang dari Kabel Enam, masing-masing empat dari Air Banun dan Pengkalan@Desa Permai. Lain-lain adalah seramai enam orang. Responden dalam kategori ‘Lain-lain’ adalah responden dari Kampung Semelor dan Kampung Pulau Tujuh yang mana merupakan antara kampung yang masih berada dalam kawasan RPS. Namun lokasinya yang terletak di pedalaman menyebabkan kawasan tersebut sukar diakses dengan kenderaan ringan.

Jadual 2. Demografi responden mengikut kampung, umur, jantina, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan anggaran pendapatan.

<b>Demografi Responden (n = 48)</b>		
<b>Keterangan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Kampung</b>		
Air Banun	4	8.3
Air Raba	14	29.2
P & D Permai	4	8.4
Desa Damai	8	16.7
Desa Ria	7	14.6
Kabel	5	10.4
Chadak	-	-
Lain-lain	6	12.5
Jumlah	48	100
<b>Umur</b>		
15 - 24	9	18.8
25 - 34	11	22.9
35 - 44	9	18.8
45 – 54	10	20.8
> 55	9	18.8
Jumlah	48	100.0
<b>Jantina</b>		
Lelaki	37	77.1
Perempuan	11	22.9
Jumlah	48	100.0
<b>Tahap pendidikan</b>		
Tidak bersekolah	7	14.6
Sekolah rendah	34	70.8
Sekolah menengah	7	14.6
Maktab / Kolej	-	-
Universiti	-	-
Jumlah	48	100
<b>Jenis Pekerjaan</b>		
Tidak bekerja	3	6.3
Bekerja sendiri (sara diri)	11	22.9
Bekerja sendiri (komersial)	21	43.8
Makan gaji	13	27.1
Jumlah	48	100.0
<b>Anggaran Pendapatan</b>		
RM0 – RM500	32	66.7
RM501- RM 1000	3	6.3
RM1001 – RM1500	10	20.8
RM1501 – RM 2000	1	2.1
>RM2001	2	4.2
Jumlah	48	100

*Sumber:* Kerja lapangan 2014/2015.

Hasil analisis mendapati majoriti responden mendapat pendidikan secara formal di sekolah namun kebanyakannya mereka hanya mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja. Manakala dari segi pekerjaan pula, majoriti responden berkerja sendiri dengan mengumpul hasil hutan seperti rotan dan gaharu serta menjalankan kegiatan ekonomi sara diri untuk kegunaan sendiri keluarga. Keadaan ini didapati memberi kesan kepada sumber pendapatan responden. Hasil analisis mendapati majoriti responden mempunyai pendapatan antara RM 0 hingga RM 500. Keseluruhan analisis demografi responden ditunjukkan dalam jadual 4.2 di atas.

## PERBINCANGAN

Program RPS memberi impak dan implikasi yang besar kepada masyarakat Orang Asli Jahai di RPS Air Banun. Menerusi program RPS juga kehidupan Orang Asli Jahai dari aspek kebersihan, kesihatan, keselamatan dan pendidikan didapati menjadi lebih baik dan terjamin dengan adanya akses kepada kemudahan asas yang disediakan seperti jalan raya, sekolah, bekalan elektrik, air paip, sistem sanitasi yang sistematik, polis peronda dan klinik kesihatan bergerak. Tahap kesihatan penduduk yang lebih baik dapat dikesan menerusi peningkatan pada populasi penduduk di kawasan tersebut dari dekad ke dekad.

Selain itu, jaringan dengan masyarakat luar juga semakin mudah dan selamat dengan adanya jalan raya dan kemudahan pengangkutan. Kedan ini secara tidak langsung mendedahkan mereka kepada cara hidup moden dengan cepat. Kewujudan sekolah integrasi pula membolehkan anak-anak Orang Asli Jahai mendapat pendidikan sehingga ke peringkat menengah tanpa perlu keluar daripada petempatan mereka dan seterusnya mengurangkan kes keciciran pendidikan dalam kalangan komuniti tersebut.

Namun, majoriti penduduk masih hidup dalam keadaan miskin dengan kadar pendapatan sekitar RM 500 sebulan. Mereka masih bergantung kepada sumber tabii dalam menjana sumber pendapatan. Keadaan ini dikesan berkait rapat dengan aspek pendidikan apabila kebanyakan mereka hanya menamatkan pendidikan diperingkat sekolah rendah sahaja. Menurut Hasan Mat Nor (1996) dan Mustaffa Omar (2008) tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan masyarakat Orang Asli menyukarkan mereka untuk mendapat pekerjaan yang stabil. Akibatnya penglibatan mereka dalam sektor ekonomi hanya terbatas kepada sektor buruh yang menawarkan upah yang rendah dan tidak mampu menarik mereka keluar dari cengkaman kemiskinan dan kemelaratan hidup (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah 2007).

## IMPLIKASI DASAR

Menerusi kajian ini terdapat dua implikasi dasar yang dapat dirumuskan hasil daripada perbincangan di atas yang mana dinyatakan seperti berikut:

Polisi pembangunan masyarakat Orang Asli perlu dinilai semula. Setelah lebih lima dekad berlalu, usaha membanteras kemiskinan dalam kalangan komuniti Orang Asli didapati masih tidak membawa hasil yang memuaskan. Justeru polisi pembangunan masyarakat Orang Asli perlu dinilai semula agar kegagalan tidak terus berulang.

Kawasan penempatan semula masyarakat Orang Asli mestilah kawasan yang selamat dan produktif. Sekurang-kurangnya apabila ditempatkan di kawasan baharu, mereka masih lagi boleh menjalankan aktiviti bercucuk tanam bagi menampung keperluan sehariannya terutamanya apabila berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

## KESIMPULAN

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli adalah salah satu usaha murni yang menggambarkan kesungguhan kerajaan untuk membangunkan masyarakat Orang Asli agar tidak terus ketinggalan dalam kepesatan arus pembangunan negara. Bagaimana pun, pemantauan yang berterusan adalah perlu memandangkan masyarakat tersebut masih jauh ketinggalan dalam berbagai aspek jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain. Mereka seharusnya diberi ruang, peluang dan perhatian agar tidak terus hidup dalam keadaan terpinggir dan terancam.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas kelulusan Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) yang bertajuk ‘Evolutionary Genomics and Anthropological Approach on the Endangered Malaysian Aborigine Populations: Towards Ensuring

their sustainability'. Kajian ini dijalankan dibawah Skim Geran Jangka Panjang, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT): LRGS/BU/2011/UfTM/UKM/PB/03).

## RUJUKAN

- Hafazah Abdul Karim dan Amalina Haslyssa Hahim. 2012. The effect of a resettlement scheme on the social-cultural changes of the Temuan community. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 42: 362-373.
- Hasan Mat Nor. 1996. *Tanah dan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Empat Buah Kampung Orang Asli di Daerah Batang Padang, Perak*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.
- Itam Wali Nawan. 1993. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Jahai: Kajian kes mengenai perubahan sosial di RPS Air Banun. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2017. Program Pembangunan Penempatan Tersusun. <http://www.jakoa.gov.my/orang-asli/pembangunan-orangasli/program-pembangunan-penempatan-tersusun/> [Access on 9 July 2017]
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 2018. <http://www.rurallink.gov.my/penempatan-semula-orang-asli/> [Access on 18 July 2018]
- Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah. 2007. *Pembangunan mapan orang asli*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Lim Hin Fui. 2003. Economic advancement and poverty eradication among the aborigines in Malaysia. This is the original, unedited version of a paper submitted to the XII World Forestry Congress, Québec City, Canada. [http://www.fao.org/docrep/article/wfc/xii/0175-a2.htm#P10\\_167](http://www.fao.org/docrep/article/wfc/xii/0175-a2.htm#P10_167). [Access on 20 June 2013]
- Mustaffa Omar. 2008. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan Cabaran. In Ma'Rof Redzuan & Sarjit S. Gill (eds.). *Orang Asli: Isu Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Unversiti Putra Malaysia.
- Mustaffa Omar. 2009. Pembangunan dan impak demografi ke atas komuniti Jakun. In Yahaya Ibrahim (ed.). *Komuniti, Pembangunan dan Transormasi*. Bangi: Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia, UKM.
- Nicholas, C. 2000. *The Orang Asli and The Contest for resources: Indigenous, Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Norsida Man, Halilah Hamid dan Asnarulkhadi Abu Samah. 2013. The Impact of Agriculture Land Development Programme (ALDP) of Orang Asli Resettlement Plan Scheme (RPS) in Pahang, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity*, 21 (S): 63 – 78.
- Suki Mee. 2006. Pembandaran dan Modernisasi Komuniti Orang Asli di Bukit Lanjan, Damansara, Selangor. Tesis Sarjana. UKM.
- Suki Mee dan Yahaya Ibrahim. 2009. Pembandaran dan penempatan semula komuniti Orang Asli. In Yahaya Ibrahim (ed.). *Komuniti, Pembangunan dan Transformasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahid Emby, Ma'ruf Redzuan, Ghazali Basri dan Abdul Halim Hamid. 1996. *Rancangan Pengumpulan Semula: Kesannya ke atas Masyarakat dan Budaya Orang Asli di Perak*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- World Wildlife Fund (WWF). 2017. Royal Belum State Park. [http://www.wwf.org.my/about\\_wwf/what\\_we\\_do/forests\\_main/forest\\_protect/protect\\_projects/project\\_royal\\_belum/index.cfm](http://www.wwf.org.my/about_wwf/what_we_do/forests_main/forest_protect/protect_projects/project_royal_belum/index.cfm). [Access on 10 July 2017]

Ronzi Mohd Yusoff  
Calon Ph.D.,  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: ronziisa@gmail.com

Sharina Abdul Halim (Ph.D)  
Pensyarah Kanan,  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: sharinahalim@ukm.edu.my

Joy Jacqueline Pereira (Ph.D)  
Profesor,  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: joy@ukm.edu.my

Submitted: 15 October 2018

Accepted: 29 January 2019